

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (AGENSI KESELAMATAN), 1999

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Perintah tidak boleh dikenakan kepada orang-orang tertentu.
4. Lantikan pegawai melesen.
5. Tiada sesiapa pun boleh menjalankan perniagaan suatu agensi pengawal keselamatan tanpa lesen.
6. Permohonan untuk mendapatkan lesen.
7. Bayaran lesen tahunan.
8. Mempamerkan lesen.
9. Pembatalan lesen.
10. Kesan pembatalan lesen.
11. Pekerja-pekerja suatu agensi pengawal keselamatan.
12. Pekerja-pekerja hendaklah mengemukakan pernyataan.
13. Kertas pengenalan.
14. Agensi pengawal keselamatan tanpa lesen tidaklah boleh mendapatkan balik bayaran.
15. Memberikan butir-butir yang tidak betul dalam permohonan.
16. Membawa belantan, dll., di tempat-tempat awam.
17. Kuasa untuk menggeledah bangunan.
18. Kuasa untuk menangkap.
19. Kuasa untuk menyiasat.
20. Kuasa-kuasa pegawai melesen.
21. Menghalang penggeledahan, dll.

22. Kesalahan.
23. Hukuman am.
24. Liabiliti pengarah, rakan kongsi, dll.
25. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.
26. Pengecualian.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bil. S 11

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (AGENSI KESELAMATAN), 1999

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

Gelaran,
permulaan
kuatkuasa dan
gelaran
panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Agenzi Keselamatan), 1999 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditentukan oleh Menteri dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan dan kawalan ke atas orang-orang yang menjalankan perniagaan atau bertindak sebagai agensi pengawal keselamatan dan bagi maksud-maksud yang berhubung dengannya".

Tafsiran.

2. (1) Dalam Perintah ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain –

"syarikat" bermakna –

Penggal 39.

(a) suatu syarikat yang diperbadankan menurut Akta Syarikat-Syarikat atau menurut sebarang undang-undang dahulu yang bersamaan ; atau

(b) suatu syarikat atau badan lain yang diperbadankan di luar Negara Brunei Darussalam ;

"lesen" bermakna suatu lesen agensi pengawal keselamatan, yang diberikan di bawah Perintah ini ;

"pemegang lesen" bermakna pemegang suatu lesen ;

"pegawai melesen" bermakna pegawai melesen yang dilantik di bawah bab 4 dan termasuk seseorang penolong pegawai melesen yang dilantik di bawah bab itu ;

"Menteri" bermakna Menteri yang pada masa itu diaturkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk bertanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri ;

"pengawal keselamatan" termasuk mana-mana penjaga atau orang lain yang terlibat dalam kerja melindungi orang-orang atau harta atau mencegah pencurian atau pengambilan harta dengan menyalahi undang-undang ;

"lesen agensi pengawal keselamatan" bermakna suatu lesen yang diberikan di bawah Perintah ini yang memberi kuasa kepada pemegangnya untuk menjalankan perniagaan suatu agensi pengawal keselamatan.

(2) Bagi maksud-maksud Perintah ini, seseorang hendaklah dianggap menjalankan perniagaan suatu agensi pengawal keselamatan jika dia memberi atau mengiklankan atau memberitahu atau menyatakan bahawa dia bersedia memberikan atau dalam apa jua cara pun menawarkan dirinya kepada orang ramai sebagai sanggup memberikan pengawal-pengawal keselamatan untuk melindungi orang-orang atau harta atau mencegah pencurian atau pengambilan harta dengan menyalahi undang-undang bagi atau sebagai balasan sebarang bayaran atau ganjaran lain (sama ada dengan wang ataupun sebaliknya).

3. (1) Perintah ini hendaklah tidak ditafsirkan sebagai menghendaki –

- (a) mana-mana anggota Pasukan Polis Diraja Brunei dalam menjalankan tugas-tugasnya sebagai seorang pegawai polis ;
- (b) mana-mana anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam menjalankan tugas-tugasnya sebagai anggotanya ;
- (c) mana-mana pegawai atau pekerja Kerajaan dalam menjalankan tugas-tugasnya sebagai pegawai atau pekerjanya ; dan
- (d) mana-mana Pasukan Polis Tambahan yang diwujudkan di bawah peruntukan-peruntukan Akta Pasukan Polis atau mana-mana pegawai atau pekerjanya dalam menjalankan tugas-tugasnya sebagai pegawai atau pekerjanya,

Perintah tidak
boleh
dikenakan
kepada orang-
orang tertentu.

Penggal 50.

untuk memegang suatu lesen.

(2) Perintah ini hendaklah tidak ditafsirkan sebagai menghendaki mana-mana pemeriksa, pengawal, penjaga, atau orang lain yang digaji untuk melakukan kerja pemeriksaan, pengawalan atau penjagaan untuk seorang majikan sahaja berkaitan dengan kerja pemeriksaan, pengawalan

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

atau penjagaan yang dilakukan bagi majikan itu untuk melindungi orang-orang atau harta atau yang berbangkit dari tugas-tugas atau perniagaan yang dijalankan atau dilaksanakan oleh majikan itu untuk memegang suatu lesen agensi pengawal keselamatan.

Lantikan pegawai melesen.

4. (1) Menteri boleh melantik seseorang pegawai awam atas nama atau jawatan untuk menjadi pegawai melesen dan juga boleh melantik daripada pegawai-pegawai awam sebilangan penolong pegawai melesen sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu bagi maksud-maksud Perintah ini.

(2) Pegawai melesen hendaklah bertanggungjawab pada amnya terhadap pelaksanaan peruntukan-peruntukan Perintah ini dan pemungutan bayaran.

Tiada sesiapa pun boleh menjalankan perniagaan suatu agensi pengawal keselamatan tanpa lesen.

5. (1) Tiada sesiapa pun boleh menjalankan perniagaan suatu agensi pengawal keselamatan melainkan jika dia adalah pemegang suatu lesen agensi pengawal keselamatan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Permohonan untuk mendapatkan lesen.

6. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk mendapatkan suatu lesen hendaklah membuat suatu permohonan dalam borang yang ditetapkan kepada pegawai melesen bagi pemberian suatu lesen.

(2) Apabila menerima sebarang permohonan di bawah ceraian (1), pegawai melesen hendaklah menimbangkan permohonan itu dan boleh memberi suatu lesen, dengan atau tanpa syarat, atau enggan memberi suatu lesen.

(3) Pegawai melesen enggan memberi suatu lesen jika –

(a) keterangan yang memuaskan belum dikemukakan mengenai nama dan kelakuan baik pemohon atau, jika pemohon adalah suatu syarikat, mengenai pegawai-pegawaiannya yang memegang jawatan pengurusan atau eksekutif ;

(b) keterangan yang memuaskan belum dikemukakan untuk menunjukkan bahawa pemohon adalah orang yang layak dan sesuai memegang suatu lesen ; atau

(c) pemohon telah disabitkan atas sebarang kesalahan yang melibatkan tipuan atau keburukan akhlak atau, jika pemohon adalah suatu syarikat, mana-mana pegawainya yang memegang suatu jawatan pengurusan atau eksekutif telah disabitkan atas sebarang kesalahan yang melibatkan tipuan atau keburukan akhlak.

(4) Pegawai melesen boleh pada bila-bila masa mengubah atau membatakan sebarang syarat yang sedia ada suatu lesen atau mengenakan syarat-syarat atau syarat-syarat tambahan kepadanya.

(5) Pegawai melesen hendaklah, sebelum mengambil sebarang tindakan di bawah ceraian (4), memberitahu niatnya untuk mengambil tindakan itu kepada pemegang lesen yang berkenaan dan hendaklah memberi peluang kepada pemegang lesen untuk mengemukakan sebab-sebab mengapa syarat-syarat leseninya tidak patut diubah atau dibatalkan.

(6) Jika suatu lesen tertakluk kepada syarat-syarat pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat-syarat itu.

(7) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan suatu keputusan pegawai melesen di bawah bab ini boleh, dalam masa satu bulan dari tarikh diberitahu mengenai keputusan pegawai melesen itu, merayu terhadap keputusannya kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

7. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah membayar bayaran lesen tahunan sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

Bayaran lesen tahunan.

8. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mempamerkan leseninya atau satu salinan yang diperkui pada suatu tempat yang mudah dilihat di tempat perniagaan utamanya dan di setiap cawangan di mana pemegang lesen itu menjalankan perniagaan suatu agensi pengawal keselamatan.

Mempamerkan lesen.

(2) Mana-mana orang –

- (a) yang melanggar atau gagal mematuhi ceraian (1); atau
- (b) bukannya pemegang suatu lesen yang melekatkan atau mempamerkan di atau dekat pejabat, rumah atau tempat perniagaannya atau mempamerkan di mana sahaja atau membiarkan terus tanpa dipadam sebarang lambang, tulisan, lukisan atau tanda lain yang membayangkan bahawa pejabat, rumah atau tempat perniagaan itu adalah pejabat, rumah atau tempat perniagaan seseorang yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan suatu agensi pengawal keselamatan,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Pembatalan lesen. 9. (1) Pegawai melesen boleh dengan perintah membatalkan suatu lesen –

- (a) jika dia berpuas hati bahawa pemegang lesen –
 - (i) telah berhenti menjalankan perniagaan yang atasnya dia telah dilesenkan atau, jika pemegang lesen sebagai suatu syarikat, dalam penyelesaian hutang-piutang atau digulung ataupun sebaliknya dibubarkan ;
 - (ii) memperolehi lesennya dengan cara yang salah berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini ;
 - (iii) tidak lagi orang yang layak dan sesuai untuk terus memegang suatu lesen ;
 - (iv) telah disabitkan atas sebarang kesalahan yang melibatkan ketidakjujuran atau keburukan akhlak atau, jika pemegang lesen adalah suatu syarikat, mana-mana pegawainya yang memegang suatu jawatan pengurusan atau eksekutif telah disabitkan atas sebarang kesalahan yang melibatkan tipuan atau keburukan akhlak ;
 - (v) menjalankan atau telah menjalankan perniagaan suatu agensi pengawal keselamatan, dengan cara yang menyebabkannya tidak layak untuk terus memegang suatu lesen ;
 - (vi) melanggar atau telah melanggar sebarang peruntukan Perintah ini ; atau
 - (vii) telah disabitkan atas sebarang kesalahan di bawah Perintah ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya atau, jika pemegang lesen adalah suatu syarikat, mana-mana pegawainya yang memegang suatu jawatan pengurusan atau eksekutif telah disabitkan atas sebarang kesalahan di bawah Perintah ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya ; atau

(b) jika dia menganggapnya demi kepentingan awam untuk berbuat demikian.

(2) Pegawai melesen hendaklah, sebelum membatalkan sebarang lesen di bawah ceraian (1), memberi kepada orang yang berkenaan notis secara bertulis mengenai niatnya untuk berbuat demikian, dengan menyatakan suatu tarikh, tidak kurang dari 21 hari selepas tarikh notis tersebut, setelah itu pembatalan tersebut hendaklah berkuatkuasa dan meminta orang yang berkenaan untuk menunjukkan sebab kepada pegawai melesen mengapa lesen itu tidak patut dibatalkan.

(3) Apabila pegawai melesen telah membatalkan suatu lesen di bawah ceraian (1) dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang yang berkenaan dengan notis secara bertulis mengenai pembatalan tersebut.

(4) Orang yang lesennya telah dibatalkan itu boleh, dalam masa 14 hari dari tarikh menerima notis yang disebutkan dalam ceraian (3), atau suatu tempoh masa yang dilanjutkan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Menteri, merayu secara bertulis terhadap pembatalan itu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

(5) Suatu perintah pembatalan hendaklah tidak berkuatkuasa sehingga tamatnya tempoh 14 hari selepas pegawai melesen memberitahu pemegang lesen yang berkenaan mengenai perintah itu.

(6) Jika dalam tempoh itu pemegang lesen yang berkenaan memberi notis rayuan yang sewajarnya kepada Menteri perintah itu hendaklah tidak berkuatkuasa melainkan jika perintah itu disahkan oleh Menteri atau rayuan itu ditolak atas sebarang sebab oleh Menteri.

10. (1) Jika suatu perintah pembatalan menjadi berkuatkuasa di bawah bab 9, pemegang lesen yang berkenaan hendaklah berhenti menjalankan perniagaan suatu agensi pengawal keselamatan.

Kesan
pembatalan
lesen.

(2) Ceraian (1) hendaklah tidak menjaskan penguatkuasaan oleh mana-mana orang akan sebarang hak atau tuntutan terhadap pemegang lesen yang berkenaan atau penguatkuasaan oleh pemegang lesen yang berkenaan akan sebarang hak atau tuntutan terhadap mana-mana orang yang berbangkit dari atau mengenai sebarang perkara atau hal yang dilakukan sebelum pembatalan lesen itu.

11. (1) Seseorang yang merupakan pemegang suatu lesen agensi pengawal keselamatan boleh, dalam menjalankan perniagaannya, menggaji seberapa ramai orang yang mungkin difikirkannya perlu untuk menjadi pengawal keselamatan dan hendaklah pada setiap masa dalam penggajian tersebut bertanggungjawab di sisi undang-undang terhadap kelakuan baik setiap orang yang digaji itu dalam perniagaan tersebut.

Pekerja-pekerja
suatu agensi
pengawal
keselamatan.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(2) Seseorang yang merupakan pemegang suatu lesen agensi pengawal keselamatan hendaklah tidak menggaji mana-mana orang sebagai pengawal keselamatan –

- (a) yang telah disabitkan atas sebarang kesalahan yang melibatkan ketidakjujuran atau keburukan akhlak ; atau
- (b) yang, pada pendapat pegawai melesen, bukan orang yang layak dan sesuai untuk digaji sebagai pengawal keselamatan dalam perniagaan suatu agensi pengawal keselamatan.

(3) Seseorang yang permohonannya untuk mendapatkan suatu lesen agensi pengawal keselamatan telah ditolak hendaklah tidak mengambil bahagian atau dalam apa jua cara pun terlibat dalam perniagaan suatu agensi pengawal keselamatan berlesen.

**Pekerja-pekerja
hendaklah
mengemukakan
pernyataan.**

12. (1) Tiada sesiapa pun boleh digaji oleh seseorang pemegang lesen untuk membantu dalam kerja pengawal keselamatan sehingga dia telah mengemukakan kepada pegawai melesen dalam borang yang ditetapkan suatu pernyataan yang mengandungi butir-butir diri dan maklumat lain sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Mana-mana orang yang membuat dalam borang yang dikemukakan kepada pegawai melesen menurut ceraian (1) sebarang pernyataan yang tidak betul atau memberi sebarang butir yang tidak betul atau dengan mengetahui tidak memberi sebarang butir yang dikehendaki untuk diberikan adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000.

**Kertas
pengenalan.**

13. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah memberi dan mengeluarkan kepada pekerja-pekerjanya, yang digaji untuk membantu dalam kerja pengawal keselamatan, kertas pengenalan dalam borang dan mengandungi butir-butir sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(2) Tiap-tiap orang yang digaji oleh seseorang pemegang lesen untuk membantu dalam kerja pengawal keselamatan hendaklah pada setiap masa membawa kertas pengenalan yang dikeluarkan oleh majikannya dan mengemukakan kertas pengenalan itu untuk pemeriksaan apabila dikehendaki demikian oleh pegawai melesen atau mana-mana pegawai polis yang sempurna diberi kuasa oleh pegawai melesen dan hendaklah menyerahkan kertas pengenalan itu kepada majikannya apabila dia berhenti kerja.

14. Tiada sesiapa pun berhak mengambil sebarang prosiding di mana-mana mahkamah untuk mendapatkan balik sebarang komisen, bayaran, keuntungan atau upah kerana sebarang perkhidmatan yang dilakukan atau dilaksanakan olehnya sebagai suatu agensi pengawal keselamatan pada masa melakukan atau melaksanakan perkhidmatan tersebut melainkan jika dia adalah pemegang suatu lesen agensi pengawal keselamatan, mengikut mana yang berkenaan, pada masa melakukan atau melaksanakan perkhidmatan tersebut.
- Agenzi
pengawal
keselamatan
tanpa lesen
tidaklah boleh
mendapatkan
balik bayaran.
15. Mana-mana orang yang membuat dalam sebarang permohonan untuk mendapatkan suatu lesen sebarang pernyataan yang tidak betul dalam sebarang butir mustahak adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000.
- Memberikan
butir-butir yang
tidak betul
dalam
permohonan.
16. (1) Mana-mana orang di mana-mana tempat awam yang membawa atau ada dalam milikannya atau di bawah kawalannya sebarang belantan, gari, atau senjata atau peralatan lain sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa dinyatakan oleh Menteri dalam suatu kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, melainkan dengan kebenaran yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$1,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu bulan atau kedua-duanya sekali.
- Membawa
belantan, dll., di
tempat-tempat
awam.
- (2) Suatu belantan, gari atau senjata atau peralatan sebagaimana yang mungkin dinyatakan di bawah ceraian (1) hendaklah dianggap dibawa dengan kebenaran yang sah jika ia dibawa oleh seseorang anggota Pasukan Polis Diraja Brunei atau Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau sebarang angkatan pelawat yang ada secara sah di Negara Brunei Darussalam di bawah sebarang undang-undang berkenaan dengan angkatan pelawat.
- (3) Pegawai melesen boleh, dalam setiap hal dengan suatu perintah secara bertulis dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan olehnya, mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang dari ceraian (1).
- (4) Jika sebarang pengecualian yang diberikan oleh pegawai melesen menurut ceraian (3) tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh pegawai melesen, pengecualian itu hendaklah terhenti dari berkuatkuasa apabila sebarang syarat itu tidak dipatuhi.
- (5) Bagi maksud-maksud bab ini, "tempat awam" termasuk sebarang bangunan atau tempat di mana orang ramai dapat masuk atau dibenarkan masuk, sama ada atas jemputan pemilik-pemilik atau penghuni-penghuninya atau dengan membayar ataupun sebaliknya.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- Kuasa untuk
menggeledah
bangunan.**
17. Pegawai melesen, apabila berpuashati atas sebarang maklumat dan selepas menjalankan sebarang siasatan lanjut yang difikirkannya perlu bahawa terdapat alasan yang baik untuk mempercayai bahawa mana-mana tempat digunakan bagi menjalankan perniagaan suatu agensi pengawal keselamatan oleh seseorang yang bukan pemegang suatu lesen, boleh dengan waran atau secara bertulis yang ditandatanganinya memberi kuasa kepada mana-mana orang yang dinamakan di dalamnya atau mana-mana pegawai polis, dengan bantuan dan dengan kekerasan sebagaimana perlu, pada waktu siang atau malam, untuk memasuki atau pergi ke tempat itu dan menggeledah tempat itu dan memeriksa semua orang yang dijumpai di dalamnya, dan merampas semua dokumen dan benda yang dikatakan dengan munasabah telah digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan berhubung dengan perniagaan suatu agensi pengawal keselamatan yang dijumpai di tempat itu atau pada orang-orang itu, dan juga menahan semua orang itu sehingga mereka telah diperiksa dan tempat itu telah digeledah.
- Kuasa untuk
menangkap.**
18. (1) Pegawai melesen dan mana-mana pegawai polis yang sempurna diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh pegawai melesen boleh tanpa waran menangkap mana-mana orang yang disyakinya dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini.
- (2) Pegawai melesen dan mana-mana pegawai polis yang sempurna diberi kuasa secara bertulis oleh pegawai melesen yang menangkap seseorang di bawah ceraian (1) boleh memeriksa orang itu dan mengambil milik semua barang yang dijumpai padanya yang terdapat alasan untuk mempercayai digunakan berhubung dengan kesalahan itu :
- Dengan syarat bahawa tiada perempuan boleh diperiksa kecuali oleh seseorang perempuan.
- (3) Tiap-tiap orang yang ditangkap itu hendaklah dibawa ke balai polis.
- Kuasa untuk
menyiasat.**
19. Dalam sebarang kes berkenaan dengan berlakunya suatu kesalahan di bawah Perintah ini, pegawai melesen dan mana-mana pegawai polis yang sempurna diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh pegawai melesen boleh menjalankan semua atau sebarang kuasa khas berkenaan dengan kesalahan-kesalahan boleh tangkap yang diberikan oleh Kanun Peraturan Jenayah.
- Penggal 7.**
20. Pegawai melesen dan mana-mana pegawai polis yang sempurna diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh pegawai melesen hendaklah, bagi maksud-maksud pelaksanaan Perintah ini, mempunyai kuasa untuk melakukan semua atau mana-mana yang berikut :
- Kuasa-kuasa
pegawai
melesen.**

- (a) memasuki, memeriksa dan menyelidiki pada waktu siang atau malam tempat perniagaan tiap-tiap pemegang lesen ;
- (b) menghendaki pengemukaan rekod, akaun dan dokumen yang disimpan oleh seseorang pemegang lesen dan memeriksa, meneliti dan menyalin mana-mana daripadanya ;
- (c) membuat siasatan sebagaimana yang mungkin perlu untuk memastikan sama ada peruntukan-peruntukan Perintah ini dipatuhi setakat yang berkenaan dengan mana-mana orang yang digaji oleh seseorang pemegang lesen untuk membantu dalam kerja pengawal keselamatan.

21. Mana-mana orang yang –

Menghalang
pergeledahan,
dll.

- (a) tidak memberarkan pegawai melesen atau mana-mana pegawai polis yang diberi kuasa untuk memasuki atau menggeledah, memasuki mana-mana tempat ;
- (b) menyerang, menghalang, mengadang atau melewatkannya masuk yang dia berhak melakukannya di bawah Perintah ini, atau dalam melaksanakan sebarang kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Perintah ini ;
- (c) gagal mematuhi sebarang permintaan yang sah daripada pegawai melesen atau seseorang pegawai polis dalam melaksanakan kewajipannya di bawah Perintah ini ; atau
- (d) enggan atau lalai memberi sebarang maklumat yang mungkin dengan munasabah dikehendaki daripadanya dan yang dia mempunyainya serta berkuasa untuk memberinya,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$2,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

22. Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi sebarang peruntukan Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan. **Kesalahan.**

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- Hukuman am.** 23. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di mana tiada hukuman diperuntukkan dengan nyata oleh Perintah ini hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$2,000.
- Liabiliti pengarah, rakan kongsi, dll.** 24. (1) Jika suatu kesalahan di bawah Perintah ini telah dilakukan oleh suatu syarikat, mana-mana orang, yang pada masa berlakunya kesalahan itu adalah seorang pengarah, setiausaha, pengurus atau pegawai lain syarikat itu atau yang dikatakan bertindak atas sebarang kedudukan itu, hendaklah dianggap melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan dan dihukum dengan sewajarnya melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia menjalankan usaha tersebut untuk mengelakkan berlakunya kesalahan itu yang sepatutnya dijalankan olehnya dengan memberi perhatian kepada jenis tugasnya atas kedudukan itu dan semua hal keadaan.
- (2) Mana-mana orang yang mungkin telah melakukan suatu kesalahan jika apa-apa juga telah dilakukan atau tidak dilakukan olehnya sendiri adalah melakukan kesalahan itu dan boleh dihukum dengan hukuman yang sama jika perkara itu telah dilakukan atau tidak dilakukan oleh rakan kongsi, ejen atau pekerjanya dalam masa perniagaan perkongsian atau dalam masa penggajinya, mengikut mana yang berkenaan, melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan atau persetujuannya dan bahawa dia mengambil segala langkah yang munasabah untuk mengelakkan perkara itu dilakukan atau tidak dilakukan.
- (3) Tiada sebarang apa pun dalam ceraian (2) boleh melepaskan mana-mana rakan kongsi, ejen atau pekerja dari sebarang liabiliti kerana suatu kesalahan.
- Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.** 25. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan pada amnya bagi pelaksanaan peruntukan-peruntukan Perintah ini dan, tanpa menjelaskan kuasa am tersebut, boleh membuat peraturan-peraturan bagi semua atau sebarang maksud yang berikut :
- (a) menetapkan maklumat dan dokumen yang hendak diberikan oleh seseorang pemohon untuk mendapatkan suatu lesen.

- (b) mengambil dan merekodkan gambar dan cap jari atau orang yang memohon bagi mendapatkan suatu lesen dan tiap-tiap orang yang digaji oleh seseorang pemegang lesen ;
- (c) menetapkan borang lesen atau kertas pengenalan yang dikeluarkan menurut bab 13 ;
- (d) menetapkan pakaian seragam, lencana atau lambang untuk dipakai oleh pekerja-pekerja seseorang pemegang lesen ;
- (e) melarang penggunaan sebarang peralatan dan kelengkapan oleh seseorang pemegang lesen dan pekerja-pekerjanya ;
- (f) mengawalselia kegiatan-kegiatan seseorang pemegang lesen dan menetapkan cara bagaimana perniagaan seseorang pemegang lesen hendak dijalankan ;
- (g) mengecualikan mana-mana golongan orang daripada kuatkuasa Perintah ini ; dan
- (h) memperuntukkan semua perkara yang dinyatakan atau dikehendaki dalam Perintah ini untuk ditetapkan.

26. (1) Peruntukan-peruntukan Perintah ini hendaklah sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain. Pengecualian.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini –

- (a) boleh ditafsirkan sebagai memberikan kepada seseorang pemegang lesen atau pekerja-pekerjanya sebarang kuasa yang diberikan oleh sebarang undang-undang bertulis kepada dan boleh dijalankan oleh seseorang pegawai polis, pegawai kastam, pegawai imigresen, pegawai penjara atau mana-mana pegawai awam yang lain ; dan
- (b) boleh membenarkan seseorang pemegang lesen atau pekerja-pekerjanya untuk melakukan suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang atau haram menurut sebarang undang-undang bertulis.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 22 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1419 bersamaan dengan 11 haribulan Mac, 1999 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**